



JABATAN PERTANIAN

No. Pindaan:00
Tarikh:



**PROSEDUR KUALITI SOKONGAN:
PENSIJILAN AMALAN PERTANIAN BAIK**

**DOA.PK(S).06.PAPB
PENGURUSAN RISIKO**

PERKARA	DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DILULUSKAN OLEH
TANDATANGAN			
NAMA	NORDIYANA BINTI AB. RAHMAN	SAIARAH BINTI ASRI	Ts. AZREEN BIN BASIR
JAWATAN	PENOLONG PENGARAH	KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN	PENGARAH BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN
TARIKH	9/10/2025	9/10/2025	9/10/2025

NO. KAWALAN SALINAN

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan semua aktiviti yang terlibat dalam Sistem Pensijilan Amalan Pertanian Baik dapat mengikut perancangan dengan berkesan serta dapat dilaksanakan secara berterusan melalui penilaian pengurusan risiko.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh Wakil Pengurusan (WP), Pengarah Pertanian Negeri (PPN) dan Pegawai Pertanian Daerah (PPD) serta Urus setia (DOA-APB) untuk menguruskan risiko dalam Pensijilan Amalan Pertanian Baik bermula dengan mengenalpasti risiko dan peluang, analisis dan keberkesanan tindakan kawalan risiko.

3. RUJUKAN

3.1. Manual Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti Pensijilan Amalan Pertanian Baik ISO/IEC 17065

3.2. ISO/IEC 17065 (Klausa 8.8)

4. DEFINISI

4.1 Isu Dalaman dan Isu Luaran

Isu – isu yang relevan dengan tujuan dan halatuju strategik yang memberi kesan kepada keupayaan untuk mencapai keputusan yang diinginkan.

4.2 Pihak Berkepentingan

Mana-mana individu / organisasi yang boleh memberi / menerima kesan positif atau negatif terhadap tindakan organisasi.

4.3 Risiko

Sesuatu isu / kejadian yang berlaku serta boleh memberi kesan terhadap pencapaian objektif atau matlamat organisasi.

4.4 Pengurusan Risiko

Langkah kerja yang meliputi mengenalpasti proses kerja, menilai risiko, menentukan dan menetapkan kawalan dan menyemak hasil serta keputusannya.

4.5 Auditee

Pihak yang diaudit sama ada pihak urus setia, Jabatan Pertanian Negeri dan Pejabat Pertanian Daerah.

5. SINGKATAN

KPP	-	Ketua Pengarah Pertanian
WP	-	Wakil Pengurusan
PB	-	Pengarah Bahagian
PPN	-	Pengarah Pertanian Negeri
KPPKSPL-		Ketua Penolong Pengarah Kanan Seksyen Pensijilan Ladang
DOA-APB-		Urus setia Pensijilan Amalan Pertanian Baik
MJPAPB -		Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Amalan Pertanian Baik

6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab		Tindakan
KPPKSPL	6.1	Jawatankuasa Penilaian Risiko
	6.1.1	Bincang dengan WP bagi merancang
		a) Membangunkan Jawatankuasa Penilaian Risiko.
		b) Menetapkan tanggungjawab dan bidang kuasa kepada Jawatankuasa Penilaian Risiko.
		c) Menentukan tindakan kawalan ke atas risiko.
		d) Mesyuarat Pengurusan Risiko

DOA-APB/WP	6.1.2	Menyelaras pelaksanaan pengurusan risiko termasuk: a) Mengenalpasti risiko, ancaman dan impak setiap proses yang terlibat dengan organisasi. b) Senaraikan risiko dan peluang yang berpotensi berlaku ke atas proses-proses yang terdapat dalam Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan: i. Isu-isu dalaman dan luaran; ii. Keperluan dan harapan pihak pelanggan iii. Halangan yang memberi kesan kepada kegagalan untuk mencapai objektif.															
DOA-APB/WP	6.2	Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko															
DOA-APB/WP	6.2.1	Indeks Pengurusan Risiko dilaksanakan berdasarkan kepada dua faktor iaitu kebarangkalian (kekerapan kejadian) dan impak risiko. Ketetapan indeks untuk membuat penilaian yang terdiri daripada indeks kemungkinan dan akibat risiko adalah seperti jadual. <u>Indeks Kemungkinan Risiko</u> <table><tr><th>Skala</th><th>Indikator</th><th>Pengukuran Kuantitatif</th></tr><tr><td>5</td><td>Hampir pasti</td><td>Lebih 50% kemungkinan risiko akan berlaku.</td></tr><tr><td>4</td><td>Kemungkinan besar</td><td>21 – 50% kemungkinan risiko akan berlaku.</td></tr><tr><td>3</td><td>Mungkin</td><td>11 – 20% kemungkinan risiko akan berlaku.</td></tr><tr><td>2</td><td>Kemungkinan</td><td>5 – 10% kemungkinan risiko akan berlaku.</td></tr></table>	Skala	Indikator	Pengukuran Kuantitatif	5	Hampir pasti	Lebih 50% kemungkinan risiko akan berlaku.	4	Kemungkinan besar	21 – 50% kemungkinan risiko akan berlaku.	3	Mungkin	11 – 20% kemungkinan risiko akan berlaku.	2	Kemungkinan	5 – 10% kemungkinan risiko akan berlaku.
Skala	Indikator	Pengukuran Kuantitatif															
5	Hampir pasti	Lebih 50% kemungkinan risiko akan berlaku.															
4	Kemungkinan besar	21 – 50% kemungkinan risiko akan berlaku.															
3	Mungkin	11 – 20% kemungkinan risiko akan berlaku.															
2	Kemungkinan	5 – 10% kemungkinan risiko akan berlaku.															

	kecil	
1	Jarang	Kurang 5% kemungkinan risiko akan berlaku.

Indeks Akibat Risiko

AKIBAT	
1	Tidak menjadi isu
2	Hanya isu kecil
3	Menjadi isu PPD
4	Menjadi isu JPN / SPW
5	Menjadi isu negara

Matrik Kemungkinan dan Akibat

		Akibat				
		1 (Tak Penting)	2 (Kecil)	3 (Sederhana)	4 (Besar)	5 (Bencana)
Kemungkinan	1 (Jarang)	1 (R)	2 (R)	3 (R)	4 (R)	5 (S)
	2 (Kemungkinan Kecil)	2 (R)	4 (R)	6 (S)	8 (S)	10 (S)
	3 (Mungkin)	3 (R)	6 (S)	9 (S)	12 (S)	15 (T)
	4 (Kemungkinan Besar)	4 (R)	8 (S)	12 (S)	16 (T)	20 (T)
	5 (Hampir Pasti)	5 (S)	10 (S)	15 (T)	20 (T)	25 (T)

Had Penerimaan Risiko

TAHAP RISIKO	KEPERLUAN RAWATAN / TINDAKAN
Rendah (R)	Diterima / Optional
Sederhana (S)	Risiko tidak diterima. Perlu tindakan.

		Tinggi (T)	Risiko tidak diterima. Perlu tindakan segera.
	6.3	Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko	
Auditee	6.3.1	Mengenalpasti kawalan sedia ada dan melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko di semua peringkat.	
Auditee	6.3.2	Memastikan semua langkah kawalan sedia ada dan langkah tambahan dilaksanakan.	
Auditee	6.3.3	Mewujudkan rekod-rekod pelaksanaan tindakan kawalan.	
Auditee	6.3.4	Membuat analisis data tindakan kawalan ke atas risiko.	
Auditee	6.3.5	Melaksanakan tindakan pembetulan yang diarahkan.	
	6.4	Memantau Pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko	
DOA-APB/WP	6.4.1	Melaporkan analisis pelan pengurusan risiko dalam MJPAPB.	

7. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod Kualiti	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
1.	Pelan Pengurusan Risiko Pensijilan Amalan Pertanian Baik	BKKT	3 Tahun

8. CARTA ALIRAN KERJA



**Lampiran**

1. Pelan Pengurusan Risiko Pensijilan Amalan Pertanian Baik (RIS-1-PIN0)

**PELAN PENGURUSAN RISIKO PENSIJILAN AMALAN
PERTANIAN BAIK**

Unit / Seksyen / Jabatan / Daerah / Negeri :

Kategori Isu :

No	Isu	Pengenalpastian Risiko				Penilaian Risiko			Tindakan Terhadap Risiko				Keberkesanan Tindakan		
		Punca	Risiko	Kesan	Kaedah Kawalan Sedia Ada (Jika Ada)	Kemungkinan	Akibat	Nilai Risiko	Kaedah Kawalan Yang Perlu Diwujudkan	Tarikh Selesai	PIC	Status	Kemungkinan	Akibat	Nilai Risiko
1.	Fasiliti penyimpanan rekod yang terhad dan tidak sesuai	Ruang pejabat yang terhad dan bilangan fail yang sentiasa bertambah.	Penyimpanan fail yang tidak sistematik dan risiko kehilangan	Kredibiliti penyimpanan rekod diragui oleh pelanggan.	Pemutihan fail dan memanfaatkan ruang sedia ada	4	4	16	Pembangunan sistem pengurusan rekod	-	BKKT	-	-	-	-
2.	Pengurusan aduan yang tidak sistematik	Tiada prosedur yang jelas	Aduan tidak direkod dan tindakan susulan tidak dipantau	Persepsi pengadu negatif terhadap jabatan	Aduan diuruskan mengikut pemahaman PIC	3	2	6	Wujudkan prosedur pengurusan aduan / maklum balas	-	BKKT	-	-	-	-
3.	Proses pensijilan tidak lengkap dalam sistem sedia ada	Tiada satu sistem yang komprehensif merangkumi keseluruhan proses pensijilan	Mengambil tempoh masa yang lama, kehilangan dokumen, pengurusan rekod yang tidak efisien.	Kredibiliti sebagai badan pensijilan diragui oleh pelanggan	Memanfaatkan prosedur kerja menggunakan sistem sedia ada dan manual	4	4	16	Pembangunan sistem pensijilan amalan pertanian baik	-	BKKT	-	-	-	-

Disediakan Oleh

Disemak Oleh

Diluluskan Oleh

Nama :
Jawatan :

Nama :
Jawatan :

(Pengarah Bahagian / Pengarah Pertanian Negeri / Ketua Unit)